



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR meninggalkan majlis selepas Konvokesyen ke-16 UTHM di Dewan Sultan Ibrahim UTHM Batu Pahat, Johor semalam. - BERNAMA

Jangan salah guna ilmu - Sultan Ibrahim

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**

pengarang@utusan.com.my

■ **BATU PAHAT 8 OKT.**

SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mengasihatkan golongan terpelajar bahawa ilmu yang dipelajari tidak seharusnya disalahgunakan untuk melakukan perkara-perkara tidak berfaedah termasuk menipu dan mencuri.

Titah baginda, golongan graduan yang menerima ijazah juga jangan bersikap terlalu sombong dengan ilmu pengetahuan atau kelebihan yang dimiliki, tetapi perlu bijak merancang kehidupan dan tidak terikut-ikut serta terpengaruh dengan rakan-rakan yang cetek akal.

"Sekiranya kejayaan yang diharapkan belum dicapai, buatlah dahulu apa juga kerja yang boleh beri pendapatan dan rezeki yang halal.

"Jangan pula menggunakan ilmu dan kebolehan yang ada untuk kerja-kerja yang tidak baik



Jangan pula menggunakan ilmu dan kebolehan yang ada untuk kerja-kerja yang tidak baik seperti menipu atau mencuri,"

**SULTAN IBRAHIM
SULTAN ISKANDAR**
Sultan Johor

seperti menipu atau mencuri," titah baginda semasa merasmikan istiadat konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Dewan Sultan Ibrahim, di sini hari ini.

Turut berangkat Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang juga Pro Canselor UTHM.

Majlis berkenaan turut dihadiri Pro Canselor UTHM, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Dr. Ir. Jamilus Md. Hussin dan Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr.

Mohd. Noh Dalimin.

Pada istiadat itu, Sultan Ibrahim yang juga Canselor UTHM berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Gabenor Sulawesi Selatan, Dr. Syahrul Yasin Limpo atas sumbangan dan kejayaan membangunkan wilayah tersebut.

Titah baginda, tidak ada jalan singkat bagi sesiapa pun berjaya dalam kehidupan yang penuh mencabar melainkan bermula dari bawah dengan mencari kerja, meningkatkan pengetahuan dan kebolehan serta membentuk kualiti dalam diri.

"Setiap manusia diberikan rezeki yang berbeza, namun kita mesti sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan. Ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk dan jangan pula ikut resmi lalang, makin berisi makin tegak," titah baginda.

Baginda turut berbangga dengan pencapaian UTHM yang menjadi salah sebuah universiti awam yang menjadi pilihan industri untuk mengambil graduan bekerja.